



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 MAC 2020 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHVAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

12 MAC 2020 (KHAMIS)



Untung RM120,000 sebulan

Sindiket jual jersi jenama tiruan dalam talian tumpas

Oleh Dziyaul Afnan
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kangar

Baru berusia 26 tahun, namun lelaki ini di-kesan memperoleh sehingga RM120,000 sebulan hasil jualan jersi jenama tiruan secara dalam talian di daerah ini.

Perkara itu terbongkar selepas sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis menyerbu rumah dua tingkat di Taman

Bukit Kayang di sini, semalam.

Rumah itu dipercayai dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran jersi jenama tiruan oleh lelaki itu yang mengetuai sindiket dalam talian terbesar di wilayah utara.

Ketua Pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah berkata, pihaknya menahan lelaki itu bersama lima pekerja termasuk empat wanita berusia 26 hingga 35 tahun dalam serbuan jam 11.30 pagi.

"Kami merampas 2,212 jersi tiruan pelbagai jenama

bernilai RM183,000 bersama mesin elektronik beberapa unit komputer, mesin pencetak dan mesin mengecop.

"Sindiket dipercayai aktif sejak 2015 dengan menjual jersi pasukan bola sepak tiruan pelbagai negara Eropah dan Asia menerusi Facebook dan Instagram.

"Kami memerhatikan sindiket ini sejak sebulan lalu melalui risikan dalaman dan percaya mereka antara sindiket terbesar di utara Semenanjung," katanya.

Mohamad Amir berkata, semua jersi terbabit dijual kepada pelanggan pada harga RM50 sehingga RM100

sehelai bergantung kepada jenis pasukan bola sepak.

"Suspek mengaku melakukan banyak transaksi dengan menghantar jersi yang ditempah ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Semua barangan rampasan dibawa ke ibu pejabat manakala suspek ditahan untuk mendapatkan perintah reman, esok (hari ini)," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

KPDNHEP sita barangan tiruan bernilai RM121,401

KUANTAN - Sebanyak 3,239 jam tangan, 502 beg dan topi berjenama tiruan dianggarkan bernilai RM121,401 disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di tiga premis perniagaan dalam Ops Jeriji di sini kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, operasi dijalankan di tiga premis di Jalan Mat Kilau, Jalan Putra Square dan di kedai jam di sebuah pasar raya kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Menurutnya, lima individu mem-

babitkan dua wanita tempatan berusia antara 20 tahun hingga 40 tahun, seorang lelaki tempatan berusia 38 tahun dan dua warga Pakistan berusia 29 tahun dan 53 tahun ditahan.

“Lima individu ditahan itu adalah pemilik perniagaan dan pekerja.

“Kesemua mereka direman selama empat hari mulai hari ini (semalam) bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 102 (1) (b) Akta Cap Dagangan 2019 manakala barangan seperti jam tangan dan beg akan disita,” katanya pada sidang akhbar di pejabat KPDNHEP Pahang, di sini semalam.



Ahmad Fitri (empar dari kiri) menunjukkan barang tiruan yang dirampas di tiga premis perniagaan di sekitar Kuantan kelmarin.